

Zaman Prasejarah di Negeri Perlis dalam Konteks Arkeologi

Archaeological context of Prehistoric Period in Perlis

ZULISKANDAR RAMLI, MUHAMMAD AFIQ OMAR, MUHAMMAD TERMIZI HASNI & MUHAMAD SHAFIQ MOHD ALI

ABSTRAK

Perlis yang merupakan negeri yang terkecil di Malaysia mempunyai warisan penting dalam konteks zaman prasejarah yang boleh ditonjolkan sebagai salah satu produk arkeo-pelancongan dan masih belum didedahkan secara maksimum. Artikel ini cuba untuk mendedahkan tapak arkeologi dan artifak zaman prasejarah di Perlis yang secara tidak langsung mendedahkan kepentingan negeri Perlis dalam konteks perkembangan dan pergerakan manusia zaman prasejarah. Data arkeologi membuktikan bahawa Perlis sudah pun diduduki oleh manusia sejak 5000 hingga 10,000 tahun yang lalu. Jumpaan seperti alat batu 'sumatralith' membuktikan wujudnya budaya yang dinamakan kebudayaan 'Hoabinhian' di Perlis. Bukti masyarakat yang mengamalkan kebudayaan Neolitik juga banyak ditemui di gua-gua di sekitar Perlis dengan jumpaan artifak seperti tembikar tanah dan beliung kapak batu bergilap di samping jumpaan gelang batu. Gua-gua di Perlis terutamanya di kawasan bukit Chuping, Bukit Tegun Lembu, Bukit Ngulang, Bukit Kerengga dan Bukit Changkul telah digunakan sebagai tapak pengebumian masyarakat Neolitik berdasarkan jumpaan artifak yang selalunya berasosiasi dengan perkuburan masyarakat tersebut. Penemuan kalam semah 'Votive tablet' di Gua Berhala dan Gua Kurong Batang yang mempunyai imej Avaloketisvara dan Bodhisattva serta ayat-ayat suci Buddha menunjukkan bahawa Perlis juga menyumbang kepada perkembangan era proto-sejarah di Malaysia. Data arkeologi yang banyak di Perlis menunjukkan bahawa negeri Perlis suatu ketika dahulu merupakan laluan perdagangan dan jalan utama yang digunakan oleh masyarakat prasejarah yang kemudiannya berevolusi dan berkembang daripada sudut sosio-budaya, ekonomi, sains dan teknologi ketika zaman protosejarah.

Kata kunci: Hoabinhian; Neolitik; zaman prasejarah; Bukit Tegun Lembu (Bukit Tengku Lembu)

ABSTRACT

Perlis is the smallest state in Malaysia comprehend important heritage in the context of prehistoric period which can be highlighted as one of archaeo-tourism product and has not been exposed to the maximum. This article attempts to uncover archaeological sites and prehistoric artifacts in Perlis which indirectly reveal the importance of Perlis in the context of the development and the movement of prehistoric humans. The archaeological data show that Perlis already occupied by man since 5000 to 10,000 years ago. Findings such as 'sumatralith' stone tool prove the existence of "Hoabinhian" culture occurred in Perlis. The existence of Neolithic culture also has been found in the cave or rock shelter around Perlis which associated the culture with artifacts such as pottery, polished stone adze or axe and also stone ring. Cave around Perlis such as in Bukit Chuping, Bukit Tegun Lembu, Bukit Ngulang, Bukit Kerengga and Bukit Changkul also have been used as a burial site by the Neolithic people based on artifacts used as burial gifts which associated with the burial site of Neolithic culture. The finding of votive tablets in Berhala Cave and Kurong Batang Cave which contains Avaloketisvara and Bodhisattva images and also Buddhist credo shows that Perlis has contribute to the development of protohistoric period. Abundances of archaeological data in Perlis shows that Perlis was once a trade routes and paths used by prehistoric people who later evolved and expanded in term of socio-culture, economy, science and technology during protohistoric period.

Keywords: Hoabinhian; Neolithic; prehistoric period; Bukit Tegun Lembu (Bukit Tengku Lembu)

PENGENALAN

Negeri Perlis Indera Kayangan merupakan negeri yang paling kecil di Malaysia di mana keluasannya adalah 795 km² iaitu kira-kira 0.2% daripada keluasan Malaysia. Bancian penduduk dan perumahan

Malaysia pada tahun 2010 mencatatkan bahawa jumlah penduduk di Perlis adalah seramai 2,416,700 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Perlis secara geografinya terletak di Utara Semenanjung Malaysia bersempadan dengan provinsi Satun dan Songkla di utara; Kedah di sebelah selatan manakala Selat Melaka di sebelah barat.

Nama negeri Perlis dipercayai berasal daripada nama sejenis pokok iaitu pokok Perlis (Ahmad Ismail & Yazid Mat 1992). Pokok ini dikatakan tumbuh dengan banyak terutamanya di tebing sungai tetapi kini pokok Perlis telah pun pupus. Seorang lagi sejarawan Malaysia iaitu Haji Buyung Adil menyatakan bahawa negeri Perlis ini mendapat nama daripada perkataan Siam iaitu ‘Phrau Loi’ (Maphrau Loi) yang bermaksud kelapa hanyut. Perkataan tersebut dipercayai di pelat dan dipendekkan oleh orang Melayu menjadi ‘pereleh’ atau Perlis (Buyung Adil 1981). Walau bagaimanapun kebanyakan sarjana berpendapat Perlis mendapat namanya daripada pohon Perlis.

Dalam konteks zaman sejarah, negeri Perlis diwujudkan atau diasaskan sebagai sebuah negeri pada tahun 1834, apabila kerajaan Siam dan Kedah memersetujui penubuhan sebuah kerajaan yang berasingan. Sebelum ini negeri Perlis dikenali sebagai Jajahan Kayang di bawah pemerintahan negeri Kedah. Ketika itu juga Kedah tertakluk di bawah naungan kerajaan Siam. Merujuk kepada buku Sejarah Perlis yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981 yang dikarang oleh Haji Buyung Adil menyatakan:

Pada 10 Muharam Tahun Hijrah 1250, bersamaan dengan 20 Mei tahun 1834, wujudlah sebuah negeri baharu di utara Semenanjung Tanah Melayu bernama PERLIS. Rajanya yang pertama ialah Syed Husain Jamalullail ibni Almarhum Syed Harun Jamalullail, bergelar Tuan Syed Sharif Hussain Jamalullail. Baginda dilantik dan ditabalkan menjadi Raja Perlis oleh Raja Siam di balairong seri kerajaan Siam di Bangkok dengan disokong dan dipersetujui oleh Raja Ligor Nakhon Sri Thammarat (hlm 20)

Gelaran “Indera Kayangan” telah diberikan oleh Tuanku Sultan Dhiauddin Mukarram Shah 1 yang memerintah Jajahan Kayang pada tahun 1797-1813. Diceritakan bahawa pada suatu malam, baginda sedang bersiar-siar di dalam taman yang terletak di puncak bukit dalam kawasan istana Kayang, di mana baginda merasakan seperti berada di kayangan, di tempat yang tinggi, melihat bintang-bintang bertaburan di langit. Ketika itulah baginda menggelar jajahannya “Indera Kayangan” (Rejab 2006: 12-13). Menurut Haji Buyung Adil (1981:20), Raja Perlis yang pertama telah memberi gelaran “Indera Kayangan” sempena perhubungan rapat di antara Perlis dengan Kota Indera Kayangan. Manakala Ahmad Ismail dan Yazid Mat (1992) menyatakan bahawa Raja Syed Hussin juga memasyhurkan semula nama “Indera Kayangan” untuk diberi gelaran @ nama timang-timangan bagi negeri Perlis. Gelaran tersebut diambil sempena Indera Kayangan, iaitu

Kota Indera Kayangan Yang Kedua (1797-1813) di mana baginda dididik dan dibesarkan oleh Sultan Dhiauddin Makarram Syah dahulu.

Dalam konteks zaman prasejarah dan proto-sejarah, negeri Perlis juga telah menghasilkan data dalam bentuk artifak dan ekofak yang secara tidak langsung menunjukkan kepentingan Perlis dalam aktiviti perdagangan dan jalur utama pergerakan manusia di zaman awal. Bukti terawal yang telah ditemui di Perlis adalah alat-alat batu yang dikategorikan sebagai alat batu “Hoabinh” yang dipercayai wujud kira-kira 5000 hingga 10,000 tahun yang lalu. Kemudian jumpaan artifak mendedahkan kewujudan kebudayaan Neolitik atau Zaman Batu Baru yang bermula sejak 5,000 hingga 3,000 tahun yang lalu. Artifak zaman proto-sejarah boleh dilihat pada jumpaan di Gua Berhala, Bintong yang mana ditemukan kalam semah (votive tablet) berimej Bodhisattva dan Avalokitesvara yang sinonim dengan amalan penganut Buddha Mahayana.

PENYELIDIKAN ARKEOLOGI DI PERLIS

Penyelidikan yang berkaitan dengan arkeologi di negeri Perlis bermula sejak tahun 1920-an oleh I.H.N. Evans dan berterusan sehingga tahun 1930-an. Antara artifak yang ditemui adalah serpihan tembikar tanah yang digolongkan dalam zaman Neolitik dan zaman Logam, serta alat-alat batu dan sisa makanan (Evans 1931). H. D. Collings juga telah menjalankan penyelidikan prasejarah Perlis pada tahun 1930-an di mana tumpuan beliau lebih terarah kepada kajian di Gua Bintong, Bukit Chuping yang mana jumpaan tersebut berupa alat batu zaman Hoabinhian. Alat batu yang juga dikenali sebagai ‘sumatralith’ ini dicirikan oleh batu pebel yang direpeh pada sebelah permukaan atau kedua-dua belah permukaan pebel tersebut. Selain daripada itu, Collings juga telah menemukan beberapa artifak dan ekofak lain seperti tulang, manik tulang dan manik karnelian serta serpihan tembikar tanah. Selain itu terdapat juga jumpaan ekofak berupa sisa makanan yang terdiri daripada tulang haiwan, cangkerang siput sungai dan juga laut. Kawasan ini berkemungkinan juga digunakan sebagai kawasan tapak pengebumian dengan terjumpanya tinggalan gigi manusia (Collings 1937).

Collings berpendapat bahawa Gua Bintong, Bukit Chuping ini terletak tidak jauh daripada laut kira-kira 5000 tahun yang lalu dan kenyataan ini telah disokong oleh H. B. Tjia, seorang pakar geologi yang banyak mengkaji turun-naik aras laut di Malaysia


dan Indonesia (Adi 1990). Di Bukit Chuping juga ditemukan beberapa serpihan tembikar yang dikenali sebagai 'black ware' yang menjadi polemik di mana asal usul tembikar tersebut. Menurut pendapat beberapa orang penyelidik, tembikar 'black ware' ini dipercayai berasal dari Attic Greek (William-Hunt 1952), Lung Shan (Peacock 1959), India Utara (Sieveking 1962) dan buatan tempatan (Chia 1997).

Pada tahun 1951, P.D.R. William-Hunt yang merupakan Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada waktu itu telah menjalankan survei ke atas Gua Bukit Tegun Lembu selepas mendapat laporan daripada orang kampung berkenaan jumpaan artifak di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, penyelidikan secara sistematik tidak dapat dijalankan kerana tapak tersebut telah terganggu akibat daripada kerja-kerja mengambil baja. William-Hunt telah menyelamatkan beberapa artifak seperti tembikar tanah dan alat-alat batu zaman Neolitik yang dijumpai di atas permukaan tanah yang telah terganggu tersebut. Yang menarik berkenaan jumpaan di tapak ini adalah jumpaan tembikar tanah yang mempunyai pelbagai bentuk dan ragam hias dan tembikar jenis ini belum pernah ditemui di tapak-tapak prasejarah di Semenanjung Malaysia, kecuali di Gua Cha, Hulu Kelantan. William-Hunt telah merekodkan kenyataan daripada P.E. Corbett dari British Museum yang menyatakan bahawa tembikar 'black ware' bergilap tersebut berasal dari Attic Greek dan dianggarkan berusia abad ke-4 hingga abad ke-5 SM (William-Hunt 1952).


Manakala Peacock (1959) menganggap bahawa tembikar bergilap (polished black ware) tersebut adalah tembikar daripada kebudayaan Longsan yang berasal dari China. Sieveking (1962) pula mencadangkan bahawa tembikar tersebut bukan berasal dari Attic Greek atau China, tetapi tembikar tersebut datang dari India Utara. Pendekatan saintifik yang dilakukan oleh Chia (1997) yang menganalisis tembikar 'polished black ware' ini secara morfologi dan komposisi mencadangkan bahawa tembikar tersebut adalah hasil kearifan tempatan atau secara tidak langsung membuktikan peranan masyarakat tempatan dalam menghasilkan tembikar yang berkualiti tinggi tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan tipologi tembikar tersebut jelas menunjukkan bahawa tembikar tersebut dihasilkan oleh mereka yang amat mahir dalam pembuatan tembikar terutama dalam aspek motif hiasan, bentuk yang unik dan tekstur bahan yang lebih halus. Jika dilihat daripada konteks fungsi pula, tembikar di Gua Bukit Tegun Lembu digunakan sebagai alat

bekalan kubur. Boleh dicadangkan bahawa tembikar ini merupakan barang dagangan yang diperolehi daripada masyarakat pesisir yang mempunyai pengetahuan berkenaan pembuatan tembikar ini. Adi Taha (1990) mencadangkan bahawa tembikar yang ditemui di Bukit Tegun Lembu ini berusia antara 2000-3000 tahun yang lalu. Ini berdasarkan kepada tipologi tembikar tersebut. Gua Bukit Tegun Lembu juga menemukan pelbagai alat batu zaman Neolitik seperti beliung batu, gelang batu yang digunakan sebagai alat perhiasan diri dan lain-lain lagi. Sebanyak 7 biji beliung batu, satu gelang batu yang baik buatannya dan tembikar tanah. Ini jelas menunjukkan bahawa artifak ini milik masyarakat yang mengamalkan kebudayaan Neolitik. Tembikar yang ditemui ialah tembikar berkaki tiga yang juga ditemui di selatan Thailand, Kodiang, Jenderam Hilir dan terbaru dijumpai di Kg. Kubang Pak Amin, Pasir Mas, Kelantan.


Pada tahun 1981 sehingga tahun 1982, Jabatan Muzium telah menjalankan survei yang agak menyeluruh terhadap gua-gua di Perlis. Semasa survei dijalankan, pasukan daripada Jabatan Muzium telah menemui satu alat seperti penggali berbahu. Alat batu ini dipercayai digunakan untuk aktiviti pertanian di kawasan sekitar Bukit Tegun Lembu (Adi 1990). Sebanyak 14 buah gua telah dilawati oleh pasukan daripada Jabatan Muzium dan setiap satu gua tersebut mempunyai potensi arkeologi. Antara gua yang menarik ialah Gua Kelawar, Bukit Changkul. Survei yang dilakukan oleh Jabatan Muzium pada tahun 1981 sehingga tahun 1992 telah menemukan pelbagai jenis artifak seperti alat batu dan serpihan tembikar tanah. Antaranya ialah jumpaan di Guan Bintong, Bukit Cuping yang telah menemukan alat batu zaman Hoabinhian, alat batu pabel yang mempunyai kesan digunakan, serpihan tembikar tanah dan ekofak berupa sisa makanan (Adi Taha 1990). Jumpaan di Gua Berangin Bukit Chuping adalah berupa sisa makanan manakala jumpaan di Gua Bukit Tok Jawa, Bukit Chuping adalah berupa patahan alat batu pebel dan sisa makanan yang terdiri daripada siput air tawar dan tulang haiwan. Gua Tok Belat, Bukit Chuping hanya menemukan sisa makanan manakala survei di Gua Tegun Lembu di Bukit Tegun Lembu telah menemukan patahan alat batu, kapak batu yang sempurna, alat-alat repehan, serpihan tembikar tanah bercap tali dan tidak berhias serta sisa makanan.



RAJAH 1. Beliung dan kapak batu Neolitik bersaiz kecil di Gua Tegun Lembu. 104, 120, 125 124 mm. Skala 5/11
 Sumber: Sieveking 1962



RAJAH 2. Beliung Batu Berparuh di Gua Tegun Lembu. Panjang 345, 217 mm. Skala 5/11.
 Sumber: Sieveking 1962



RAJAH 3. Gelang Batu. Diameter bahagian dalam 70 mm. Kapak batu kecil dan beliung batu berparuh. Panjang 96, 223 mm. Skala 5/11. Jumpaan di Gua Tegun Lembu
 Sumber: Sieveking 1962

Survei di Bukit Batu Hampar telah menemukan empat biji alat batu pebel dan satunya ditajamkan di hujungnya, serpihan tembikar tanah yang mempunyai corak tali dan tanpa hias serta jumpaan sisa makanan. Jumpaan di Gua Bukit Lintas berupa 2 biji alat batu pebel, serpihan tembikar tanah berhias & tidak berhias dan sisa makanan. Gua Bukit Kechil, Mata Ayer pula menemui jumpaan seperti alat batu Hoabinhian yang direpoh kedua-dua belah permukaan, patahan alat batu pebel, serpihan tembikar tanah yang kebanyakan tidak berhias, kekaki tembikar tanah yang mempunyai ketinggian 8.7 cm dan sisa makanan (Adi Taha 1983). Di Gua Berembang, Bukit Nguking hanya menemukan serpihan tembikar tanah, manakala Gua Merang di Bukit Nguking telah menemukan serpihan tembikar tanah bercap tali dan sisa makanan. Alat batu pebel dengan hujung ditajamkan, serpihan tembikar tanah dan sisa makanan adalah jumpaan yang ditemui di Gua Kelomboi, Bukit Ngulang. Jumpaan di Gua Tok Kong, Bukit Kerengga pula adalah berupa 2 biji alat batu Hoabinhian dan sebiji batu teras serta sisa makanan manakala jumpaan di Gua Bukit Kerengga berupa patahan alat batu pebel (Hammer Stone), serpihan tembikar tanah, mangkuk tembikar tanah yang dijumpai oleh penduduk kampung. Jumpaan di Gua Tahi Kelawar, Bukit Changkul pula adalah hasil jumpaan orang kampung yang menggali baja tahi kelawar di gua tersebut. Antara jumpaan adalah serpihan tembikar tanah, kaki tripod daripada tembikar berkaki tiga, periuk tanah, dua biji beliung batu berparuh, satu beliung batu trapezoidal, beliung

batu berbentuk bulat, 3 biji kapak batu, gelang batu dan sisa makanan (Adi 1990).

Pada tahun 1985, jumpaan berupa beliung batu dan tembikar berkaki tiga telah ditemui di Gua Gergasi, Bukit Besi Hangit oleh murid-murid sekolah menengah Putera (Adi Taha 1987). Juga ditemui bersama artifak tersebut, tulang yang dipercayai sebahagian dagu manusia. Ini menunjukkan bahawa Gua Gergasi ini telah digunakan oleh masyarakat Neolitik sebagai tapak pengebumian manusia. Tembikar tanah berkaki tiga bersama dengan alat batu yang lain telah digunakan sebagai alat bekalan kubur, praktis yang sama diamalkan oleh masyarakat di Bukit Tegun Lembu. Pada tahun yang sama, di kampung Wang Kelian yang berdekatan dengan sempadan Thailand telah menemukan lima beliung Neolitik yang mempunyai permukaan yang tidak sekata. Penemuan ini telah dilaporkan oleh Encik Yusof Ali yang pada masa itu sedang menyelia tapak menyedut pasir. Menurut Encik Yusof, artifak tersebut dijumpai pada kedalaman 10 meter di bawah permukaan tanah. Beberapa keping serpihan tanah juga telah dijumpai bersama-sama dengan alat batu tersebut. Beliung yang dijumpai mempunyai saiz yang berbeza antaranya berukuran 24cm x 10cm x 4.1cm, 15cm x 7.2cm x 4.1cm, 13.5cm x 4.9cm x 3.4cm, 10.3cm x 4.4cm x 2cm, 35cm x 6.2cm x 2.4cm (Adi Taha 1991). Penemuan ini menunjukkan bahawa artifak yang diperolehi dari tapak tersebut dimiliki oleh masyarakat Neolitik yang menetap di kawasan tapak terbuka. Sebelum ini kebanyakan artifak hanya ditemui di tapak-tapak gua batu kukup sahaja.

Selain daripada jumpaan artifak dan ekofak zaman prasejarah, Perlis juga mempunyai data arkeologi yang membuktikan kewujudan zaman proto-sejarah di Malaysia. 15 biji kalam semah (votive tablet) telah dikumpul oleh Vaughan Stevens untuk Muzium Raffles. Pada tahun 1929, Evans telah mengumpul beberapa biji lagi kalam semah dari Perlis dan seterusnya oleh Collings pada tahun 1936. Kalam semah yang dikumpul oleh Vaughan Stevens, Evans dan Colling ini didapati diperolehi dari kawasan yang sama iaitu di Gua Berhala berkedudukan tinggi dalam masyarakat yang diamalkan oleh penganut agama Buddha. Ini secara tidak langsung menunjukkan kesinambungan masyarakat dalam menggunakan gua sebagai tapak yang ada kaitan dengan kematian.

KEPELBAGAIAN JENIS TEMBIKAR TANAH DI PERLIS

Data arkeologi di negeri Perlis banyak menemukan artifak berupa tembikar tanah sama ada dalam bentuk serpihan kecil, serpihan besar ataupun yang lengkap. Apa yang menariknya, jumpaan tembikar tanah ini telah menjadi polemik di kalangan penyelidik arkeologi terutamanya yang melibatkan jumpaan 'black ware' bergilap yang dijumpai di Gua Tegun Lembu dan serpihan daripada jenis yang sama di Gua Bintong. Chia (1997) yang menjalankan analisis saintifik ke atas artifak yang dipercayai tembikar 'black ware' mencadangkan bahawa tembikar tersebut adalah produk tempatan berdasarkan kepada komposisi bahan tembikar tersebut. Terdahulu William-Hunt meminta pandangan daripada P.E. Corbett dari British Museum, menyatakan bahawa tembikar 'black ware' bergilap tersebut berasal dari Attic Greek dan dianggarkan berusia abad ke-4 hingga abad ke-5 SM (William-Hunt 1952). Manakala Peacock (1959) menganggap bahawa tembikar bergilap (polished black ware) tersebut adalah tembikar daripada kebudayaan Longsan yang berasal dari China. Sieveking (1962) pula mencadangkan bahawa tembikar tersebut bukan berasal daripada Attic Greek atau China, tetapi tembikar tersebut datang dari India Utara. Peacock juga ada menunjukkan gambar tembikar hitam yang secara tipologi hampir sama dengan yang ditemui di Gua Bukit Tegun Lembu.

Terdapat banyak bentuk tembikar yang ditemui di Perlis. Koleksi terbanyak ialah jumpaan di Gua Bukit Tegun Lembu di samping gua lain seperti di Bukit Wang Pisang. Gua Tegun Lembu merupakan tapak yang kedua dengan jumpaan tembikar tanah paling banyak yang mana sebelumnya jumpaan paling banyak adalah di Gua Cha apabila Noone pertama kali membuat kajian di tapak tersebut pada tahun 1935 (Noone 1939). Walau bagaimanapun, tapak Gua Tegun Lembu adalah dalam keadaan yang amat terganggu akibat daripada aktiviti menggali baja tahi kelawar dan penyelidikan arkeologi yang sistematik tidak dapat dijalankan. Lebih daripada 10 bentuk atau jenis tembikar telah ditemui di kawasan ini dan fungsinya adalah sebagai alat bekalan kubur sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Neolitik di Gua Cha (Sieveking 1956) (Rajah 4 dan Rajah 5). Kebanyakan tembikar tanah ini berwarna coklat gelap sehingga kelabu kehitaman dan warna ini adalah berdasarkan kepada kadar pembakaran tembikar tersebut.

Berdasarkan kepada pengelasan yang dibuat oleh Sieveking (1962), tembikar di negeri Perlis boleh dibahagikan kepada 2 kelas. Kelas yang pertama ialah Kelas Tembikar Tanah Prasejarah Jenis Biasa manakala yang kedua ialah Kelas Tembikar Tanah Prasejarah Terevolusi.

KELAS 1: TEMBIKAR TANAH BIASA

Jenis 1. Mangkuk hemisperikal dengan bahagian mulut tegak ke atas .

Terdapat lapan biji tembikar tanah yang ditemui secara lengkap di Gua Tegun Lembu dengan ukuran tembikar tersebut adalah antara 51 dan 76 mm tinggi dan diameternya antara 178-254 mm.

Jenis 2. Mangkuk Hemisperikal dengan bahagian mulut berbibir gulung.


Terdapat tiga contoh tembikar jenis ini dan bahagian badan berbentuk silinder. Tinggi tembikar ini adalah antara 64 hingga 152 mm. Terdapat corak di bahagian mulut tembikar ini dan bahagian badan bercap tali.

Jenis 3. Balang dengan bahagian mulut dibakar.


Terdapat sembilan contoh tembikar jenis ini dan jumpaan menunjukkan tembikar tersebut adalah buatan masyarakat Neolitik awal dan masyarakat yang telah maju dalam pembuatan tembikar. Hiasan cap tali kadangkala terdapat hingga ke bahagian leher tembikar tetapi selalunya bahagian leher dibiarkan kosong tanpa hiasan, Bahagian dasar berbentuk bulat.

Jenis 4. Balang bulat dengan leher sempit

Terdapat empat contoh tembikar jenis ini dan berdasarkan buatannya boleh dikatakan tembikar jenis ini adalah sederhana buatannya. Bahagian badan selalunya dihiasi dengan motif cap tali dan bahagian leher kosong tanpa hiasan.



RAJAH 4. Jenis Tembikar yang ditemui di Gua Bukit Tegun Lembu (Skala 1/6 Saiz Asal)
Sumber: Peacock 1959




RAJAH 5. Jenis Tembikar Tanah yang ditemui di Bukit Tegun Lembu (Skala 1/6.5 Saiz Asal)
Sumber: Peacock 1959


KELAS 2: TEMBIKAR TANAH PRASEJARAH
TEREVOLUSI

Jenis 5. Mangkuk Berkarinasi.


Dalam koleksi yang dinyatakan oleh Sieveking, terdapat dua belas tembikar tanah jenis ini berada dalam koleksi. Bahagian dasar berbentuk hemispherical manakala bahagian badan berkarinasi dengan bahagian leher yang tinggi. Bahagian hemispherical mempunyai corak cap tali manakala bahagian karinasi dengan leher selalu kosong tanpa hiasan motif (rujuk Rajah 8). Bentuk jenis ini sama seperti tembikar yang terdapat di Sa-Huynh di Annam (Parmentier 1924) dan di Bukit Chuping, Perlis (Collings 1937).



RAJAH 6. Tembikar Kelas 1, Jenis 1
Sumber: Sieveking 1962




RAJAH 7. Tembikar Tanah Kelas 1 Jenis 2, 3, 4. Diameter 160, 191, 171 mm. Tinggi 51, 132 157 mm. Skala 5/11
Sumber: Sieveking 1962




RAJAH 8. Tembikar Tanah Kelas 2, Jenis 5. Diameter 110, 168, 176 mm. Tinggi 67, 125, 129 mm. Skala 5/11
Sumber: Sieveking 1962

Jenis 6. Bikar Berkaki

Sepuluh tembikar tanah jenis ini telah ditemui di Bukit Tegun Lembu. Reka bentuk bikar berkaki ini semacam sama dengan kombinasi mangkuk berkarinasi dengan behel yang lebar di bawahnya. Saiz tembikar ini adalah seragam di mana tinggi adalah antara 190 dan 203 mm dan diameter bukaan mulut adalah antara 165 dan 178 mm (Rajah 9 & Rajah 10).




RAJAH 9. Tembikar Tanah Kelas 2, Jenis 6, Bikar Berkaki atau tembikar berbentuk piala. Diameter 198, 173 mm. Tinggi 174, 196 mm. Skala 5/11
 Sumber: Sieveking 1962




RAJAH 10. Tembikar Tanah Kelas 2, Jenis 6, Bikar Berkaki atau tembikar berbentuk piala. Diameter 176, 166 mm. Tinggi 190, 192 mm. Skala 5/11
 Sumber: Sieveking 1962

Jenis 7. Behel Tembikar Berdasar Lebar

Tujuh belas behel tembikar ini telah dijumpai di Gua Tegun Lembu dan kebanyakan bentuk behel tembikar ini tidak pernah dijumpai di mana-mana tapak Neolitik. Walau bagaimanapun, satu bentuk behel tembikar ini dijumpai di Gua Cha, Kelantan (Sieveking 1956) dan reka bentuk tembikar ini juga mungkin sama dengan tembikar yang ditemui di tapak zaman logam Dongson di Vietnam (Goloubew 1929). Bukaan genta di bahagian dasar lebih lebar berbanding bahagian bukaan genta atas. Bahagian leher sehingga ke mulut selalunya dihiasi dengan corak tali dan bergarisan yang antara tujuannya adalah sebagai pemegang. Bahagian dalam selalu kosong (Rajah 11 dan Rajah 12).




RAJAH 11. Kelas 2. Jenis 7. Behel Tembikar Berdasar Lebar.
Tinggi 85, 84, 80 mm. Skala 5/11.
Sumber: Sieveking 1962



RAJAH 12. Kelas 2. Jenis 7. Behel Tembikar Berdasar Lebar.
Tinggi 86, 94 mm. Skala 5/11.
Sumber: Sieveking 1962

Jenis 8. Balang Bukaan Genta Dengan Badan Berrusuk

Enam belas buah balang atau tempayan besar dan tiga balang kecil telah ditemui di Gua Tegun Lembu. Berbentuk Rusuk adalah apabila bertemu dua titik pertemuan dan bahagian ini adalah bahagian bawah balang tersebut. Bahagian ini selalunya dihiasi dengan hiasan motif contohnya cap tali. Bukaan mulut baling ini adalah lebar seperti bukaan Genta. Balang yang besar mempunyai tinggi 203 dan 228 mm manakala yang kecil mempunyai tinggi 152 mm. Diameter bukaan genta adalah antara 254 hingga 305 mm (Rajah 13) .




RAJAH 13. Kelas 2. Jenis 6 dan Jenis 8. Diameter 183, 257 mm.
Tinggi 177, 160 mm. Skala 5/11
Sumber: Sieveking 1962

Jenis 9. Balang Bukaan Genta Dengan Badan Berbentuk Silinder


Terdapat empat balang atau tempayan besar dan dua balang yang kecil ditemui di Gua Tegun Lembu. Balang yang besar mempunyai ketinggian 241 mm dan diameter maksimum adalah 254-279 mm, manakala balang yang kecil mempunyai ketinggian 114 hingga 165 mm manakala diameter antara 203 hingga 228 mm. Pada badan yang berbentuk silinder, dihiasi dengan motif cap tali tetapi motif cap tali tersebut hanya dihasilkan separuh atau tiga per empat daripada keseluruhan

badan balang tersebut. Tembikar ini dari segi tipologi hampir sama dengan balang tembikar Jenis 8 (rujuk Rajah 14).

Balang atau tempayan yang lebih kecil, dari segi bentuk lebih kurang sama dengan mangkuk berkarinasi (Jenis 5) dengan hiasan cap tali pada bahagian atas karinasi.



RAJAH 14. Balang Bukaank Genta dengan badan berbentuk silinder
Sumber: Peacock 1959



RAJAH 15. Balang Bukaank Genta dengan badan berbentuk rusuk
Sumber: Peacock 1959

PENUTUP

Sumbangan Perlis terhadap perkembangan arkeologi amatlah besar terutamanya data yang melibatkan zaman prasejarah. Walaupun Perlis sebuah kerajaan bermula pada tahun 1834 dengan pertabalan Syed Hussain Jamalullail Ibni Syed Harun Jamalulail sebagai raja yang pertama, sejarah Perlis sebenarnya lebih lama daripada tarikh tersebut di mana data

arkeologi membuktikan bahawa Perlis sudah pun diduduki sejak 5000 hingga 10,000 tahun lalu. Data arkeologi mendedahkan jumpaan alat batu 'sumatralith' yang dimiliki oleh mereka yang mengamalkan kebudayaan 'Hoabinhian'. Bukti masyarakat yang mengamalkan kebudayaan Neolitik juga banyak ditemui di gua-gua di sekitar Perlis dengan jumpaan artifak seperti tembikar tanah dan beliung kapak batu bergilap di samping jumpaan gelang batu. Gua-gua di Perlis terutamanya di kawasan bukit Chuping, Bukit Tegun Lembu, Bukit Ngulang, Bukit Kerengga dan Bukit Changkul telah digunakan sebagai tapak pengebumian masyarakat Neolitik berdasarkan jumpaan artifak yang selalunya berasosiasi dengan perkuburan masyarakat tersebut. Penemuan kalam semah 'Votive tablet' di Gua Berhala dan Gua Kurong Batang yang mempunyai imej Avaloketisvara dan Bodhisattva serta ayat-ayat suci Buddha menunjukkan bahawa Perlis juga menyumbang kepada perkembangan era proto-sejarah di Malaysia. Data arkeologi yang banyak di Perlis menunjukkan bahawa negeri Perlis suatu ketika dahulu merupakan laluan perdagangan dan jalan utama yang digunakan oleh masyarakat prasejarah yang kemudiannya berevolusi dan berkembang sehingga zaman proto-sejarah. Data arkeologi membuktikan bahawa perkembangan kerajaan atau politik awal di sumbang oleh kemajuan yang dicapai oleh masyarakat sebelumnya terutama dalam aspek perdagangan.

RUJUKAN

- Adi Taha. 1983. Recent archaeological discoveries in Peninsular Malaysia 1976-1982. *JMBRAS* 56(1): 27-44.
- Adi Taha. 1987. Recent archaeological discoveries in Peninsular Malaysia (1983-85). *JMBRAS* 60(1): 27-44.
- Adi Taha. 1990. Penemuan artifek arkeologi dan bersejarah di negeri Perlis Indera Kayangan. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 2: 4-11.
- Adi Taha. 1991. Archaeological Discoveries in Peninsular Malaysia (1987-1990). *JMBRAS* 64(1): 75.
- Ahmad Ismail & Yazid Mat. 1992. *Perlis Inderan Kayangan: Sejarah pembentukan negeri berdaulat*. Kangar: Perpustakaan Negeri Perlis.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stephen Chia. 1997. Prehistoric pottery sources and technology in Peninsular Malaysia based on compositional and morphological studies, Monograph of Malaysia Museums Journal Vol. 33 New Series. Department of Museums and Antiquity Malaysia, Kuala Lumpur.
- Collings, H.D. 1937. An excavation at Bukit Chuping, Perlis. *BRM (Series B)* 1(2): 94-119.

- Evans, I.H.N. 1931. A search for antiquities in Kedah and Perlis. *JFMSM* 15(2): 43-50.
- Goloubew, V. 1929. L'Age du Bronze ua Tonkin BEFEO 25 Jabatan Perangkaan Negara. 2010.
- Noone, H.D. 1939. Report on a new Neolithic site in Ulu Kelantan. *JFMSM* 15(4): 170-174.
- Parmentier, H. 1924. Depots de Jarera Sa-Huynh (Quang-ngan, Annam). *Bulletin de l'École Française d'Extrême-Orient* 24: 3-4.
- Peacock, B.A.V. 1959. A short description of Malayan prehistoric pottery. *Asian Perspectives* 3: 121-156.
- Rejab, F.I. 2006. Sejarah Asal Usul, penciptaan gelaran, lambang, bendera dan lagu negeri Perlis. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 18: 12-15.
- Sieveking, G. De G. 1956. Excavations at Gua Cha, Kelantan (1954). *Federated Museum Journal* 1 & 2: 75-138.
- Sieveking, G. De G. 1962. The prehistoric cemetery at Bukit Tegun Lembu, Perlis. *Federated Museum Journal* 8: 25-50
- William-Hunt, P.D.R. 1952. Recent archaeological discoveries in Malaya, 1951. *JMBRAS* 25(1): 181-190.

Zuliskandar Ramli
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mail:

Muhammad Afiq Omar
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mail:

Muhammad Termizi Hasni
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mail:

Muhamad Shafiq Mohd Ali
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mail:

Diserahkan: 4 Julai 2015
Diterima: 15 Oktober 2015

